

SULIT



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

HIT521 – Kajian Sumber dan Keaslian Hadith

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja. Jika calon menjawab lebih daripada TIGA (3) soalan hanya TIGA (3) soalan pertama sahaja mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

SULIT

- 2 -

1. Kenyataan bahawa *takhrij al-hadith* merupakan ilmu yang baharu muncul menurut 'Ali Nayif al-Syahhud perlu dilihat semula kerana asas ilmu ini telah bermula sejak zaman awal Islam lagi. Berdasarkan kenyataan tersebut:
 - [a] Huraikan perbezaan istilah *al-takhrij* dari segi penggunaannya dalam karya-karya yang dihasilkan oleh ulama hadith *mutaqaddimin*, *muta'akhhirin* dan juga *mu'asirin*.
[60 markah]
 - [b] Rumuskan persamaan dan perbezaan antara *takhrij al-hadith* dengan '*azw al-hadith* berdasarkan amalan tokoh hadith *muta'akhhirin* yang menghasilkan karya yang berbentuk *takhrij al-hadith*.
[40 markah]
2. Menilai hadith sebagai sahih ataupun daif merupakan antara komponen penting dalam *takhrij al-hadith*. Berdasarkan kenyataan tersebut:
 - [a] Analisiskan pandangan para sarjana hadith dalam konteks keperluan menilai hadith sebagai sahih ataupun daif dalam *takhrij al-hadith* pada zaman mutakhir ini.
[50 markah]
 - [b] Huraikan kepentingan *dirasah al-asanid* dalam proses *tashih* dan *tad'if* hadith-hadith yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW.
[50 markah]
3. Para periyat hadith yang terdapat pada sanad perlu dinilai berdasarkan *dawabit ilmu al-jarh wa al-ta'dil*.
 - [a] Huraikan manhaj ulama hadith dalam mengenalpasti para periyat untuk membezakan antara yang *thiqah*, daif, terlalu daif dan pendusta.
[50 markah]

- 3 -

- [b] Huraikan kaedah berinteraksi ulama *al-jarh wa al-ta'dil* terhadap para periyat dalam situasi berlaku *ta'arud* dari aspek pembahagian ulama kepada *mutasahil*, *mu'tadil* dan *mutasyaddid*.
- [50 markah]
4. Huraikan EMPAT kaedah mentakhrij hadith dari sudut kelebihan dan kekurangan setiap kaedah tersebut.
- [100 markah]
5. Jawab [a] dan [b].
- [a] Analisiskan kriteria mengenal pasti sumber hadith dari sudut *al-masadir al-asliyyah* dan *al-masadir al-far'iyyah* serta kepentingannya dalam *takhrij al-hadith*.
- [50 markah]
- [b] Huraikan perbezaan antara manhaj al-Albani dalam *takhrij al-hadith* dengan manhaj salah SEORANG tokoh hadith *muta'akhkhirin*.
- [50 markah]

- oooOooo -